


PERBILANGAN ADAT PERPATIH :
PENILAIAN DARI SEGI ETIKA
DAN ESTETIKA

AZIZAH BINTI UJANG

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1983 / 84



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
JABATAN PERSURATAN MELAYU

PERBILANGAN ADAT PERPATIH: PENILAIAN DARI SEGI
ETIK DAN ESTETIKA


oleh

AZIZAH BINTI UJANG

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi 1983/84.


Penyelia

26-4-84
Tarikh


Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

26-4-84
Tarikh

Norhalim Hj. Ibrahim
Jabatan Sains Kemasyarakatan
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang, Selangor.

PERBILANGAN ADAT PERPATIH: PENILAIAN DARI SEGI
ETIK DAN ESTETIKA

oleh

AZIZAH BINTI UJANG

Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperolehi
Ijazah Sarjanamuda Sastera
dengan Kepujian

Jabatan Persuratan Melayu
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
Sesi 1983/84

ISI KANDUNGAN

Halaman

Penghargaan
Pengenalan

Norhalim Hj Ibrahim
Pensyarah
Jabatan Sains Komasyarakatan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor D. E

i-iii

BAB 1

1.1.	Pengertian Adat	1
1.2.	Sistem Adat Perpatih	3
1.2.1.	Sistem Nilai	3
1.2.2.	Sistem Kekeluargaan	12
1.2.3.	Sistem Politik	25
1.2.4.	Sistem Ekonomi	29
1.2.5.	Sistem Hukum Adat	35
1.2.6.	Sistem Peralapisan	51
1.3.	Rumusan	55

BAB II

2.1.	Pengertian Nilai Etika	56
2.2.	Etika Yang Terkandung dalam Sistem Nilai	59
2.2.1.	Konsep Budi Bahasa	59
2.2.2.	Nilai tentang Hidup Bermasyarakat	61
2.2.3.	Konsep Bertanggungjawab	62
2.2.4.	Konsep Kepakaran	65
2.2.5.	Konsep Persefahaman	66
2.2.6.	Konsep Samarata	67
2.2.7.	Konsep Sabar	69

2.3.	Etika Yang Terkandung Dalam sistem Kekeluargaan	70
2.4.	Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Politik	84
2.5.	Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Ekonomi	123
2.6.	Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Hukum Adat	130
2.7.	Sistem Perlapisan	145

BAB III

3.1.	Pengertian Estetika	148
3.2.	Perbilangan Yang Mengandung unsur-unsur perlambangan seperti personafikasi, figuratif dan simili ...	151
3.3.	Perbilangan yang mengandung unsur- unsur perulangan kata-kata seperti simplok, anafora, epifora dan responsi	166
3.3.1.	Perbilangan yang mengandung unsur- unsur anafora	166
3.3.2.	Perbilangan yang mengandung unsur- unsur Epifora	175
3.3.3.	Perbilangan yang mengandung unsur- unsur simplok	179

3.3.4.	Perbilangan yang mengandung unsur-	
	unsur responsi	180
3.4.	Rumusan	186
	Penutup	188

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PENGHARGAAN

2

Bismillahir Rahmannir Rahim, dengan nama Allah yang maha pengasih lagi penyayang. Syukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat menyelesaikan Latihan Ilmiah ini.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan ribuan Terima Kasih kepada Penyelia saya, Encik Mohd Yusuf Mohd Nor yang bertanggungjawab memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang penulisan Latihan Ilmiah ini.

Pengkaji juga mengucapkan Terima Kasih kepada Encik Mat Sar bin Shadi dan Tuk Manap yang telah sudi memberikan pandangan dan keterangan mengenai perbilangan Adat Perpatih.

Kepada rakan-rakan seperjuanganku, Shimah, Fauziah (Zie), Ramlah dan lain-lain yang banyak membantu serta mendorongku menyiapkan Latihan Ilmiah ini, setinggi-tinggi Terima Kasih kuucapkan.

Untuk keluarga tersayang, yang sering men-
doakan kejayaan saya, ingin dirakamkan rasa penghargaan
Terima Kasih yang tidak terhingga di atas sokongan dari
segisi moral dan material sepanjang pengajian saya di UKM.

AZIZAH UJANG

K10H/208

KOMSI D

UKM, BANGI

SELANGOR.

Pengenalan

1. Kepentingan Kajian

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang kaya dengan nilai kebudayaannya sendiri. Kebudayaan yang didokong oleh masyarakat Melayu meliputi segala aspek kehidupan termasuklah sistem sosial, sistem politik, sistem perekonomian, sistem organisasi dan sistem kepercayaan.

Sebahagian dari nilai ini dilihat melalui perbilangan Adat Perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan. Perbilangan yang terdapat dalam sistem Adat Perpatih mencerminkan hubungan rapat dalam kehidupan sehari-hari manusia. Melalui nilai ini diperlihatkan bagaimana perkembangan sesuatu masyarakat itu. Dari gambaran nilai ini kita dapat menyelami jiwa, pemikiran dan falsafah serta cara hidup masyarakat tersebut.

Di samping itu, perbilangan Adat Perpatih juga mengandungi nilai estetika atau nilai keindahan yang harus diambil perhatian.

2. Tujuan Kajian

Banyak kajian dan penulisan telah dilakukan

tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan oleh para pensyarah dan mahasiswa/i dengan membawa tajuk-tajuk yang menarik. Antaranya ialah kajian dari sudut sosial dan ekonomi iaitu kajian yang menyentuh institusi perkahwinan, institusi kekeluargaan dan kajian dari segi tanah pusaka. Walaupun telah banyak kajian dibuat, namun masih terdapat aspek lain yang belum terbongkar untuk pengetahuan umum. Dalam kajian ini, penulis akan mengupas nilai etik yang terkandung dalam sistem Adat Perpatih. Penulis juga akan mengkaji nilai-nilai estetika atau keindahan yang terdapat pada perbilangan tersebut.

3. Skop Kajian

Kawasan yang mengamalkan Adat Perpatih ini terhad iaitu di kawasan Negeri Sembilan dan Alor Gajah, Melaka. Penulis tidak menghadkan kajian kepada mana-mana kawasan yang lebih kecil sebagai sampel kajian. Satu penulisan menyeluruh yang menyentuh perbilangan Adat Perpatih merupakan skop kajian ini.

4. Masalah Kajian

Masalah yang timbul ialah masyarakat Adat Perpatih sendiri yang kurang faham beberapa aspek dari adat tersebut kerana adat ini bukan terdapat secara

terperinci. Mereka yang tahu selok belok Adat Perpatih ialah terdiri dari ketua-ketua Adat atau Pemimpin Masyarakat yang tinggal di merata bahagian perkampungan, menimbulkan masalah pada pengkaji.

5. Kaedah Kajian

Penulis akan membuat kajian luar dan juga menggunakan bahan rujukan yang ^{terdapat} di perpustakaan. Penulis juga menemubual Ketua Adat di Kampung Pulau Besar (Negeri Sembilan) iaitu Encik Manap Osman dan Ketua Adat di Felda Bukit Jalor iaitu Encik Mat Sar bin Shadi. Di samping itu penulis juga menemubual secara tidak langsung dengan beberapa orang yang mengetahui serba sedikit tentang perbilangan Adat Perpatih.

Penulis juga menggunakan kemudahan perpustakaan di mana terdapat beberapa kajian yang dibuat oleh pensyarah dan mahasiswa/i. Penulis juga melihat perbilangan yang telah dikumpulkan oleh beberapa orang penulis dan pengkaji dalam bentuk buku dan majalah.

BAB KETIGA

BAB III

Nilai Estetika Yang Terkandung Di Dalam Perbilangan Adat Perpatih

3.1. Pengertian Estetika

Estetika berasal dari perkataan Greek iaitu 'aisthethic' yang membawa makna 'sense perception' dan juga bermakna ilmu pengetahuan. Estetika juga bermakna 'to be elegant, beautiful, kind and pleasing'. Manakala mengikut pendapat seorang tokoh falsafah Jerman, Alexander Maungarton (1714-1702) estetika merupakan 'the theory of beauty' atau 'the theory of taste'.¹

Kant mentakrifkan estetika sebagai teori tentang susunan penghayatan pancaindera dalam ruang dan waktu. John Cohn mendefinisikan estetika sebagai teori keindahan dan seni.² Umumnya, estetika merupakan ilmu pengetahuan atau falsafah mengenai kecantikan yang terdapat di dalam atau di luar kesenian.³

¹The Encyclopedia of Americana, (New York: American Corporation, 1970), Vol. I, h.234.

²A. Rahman Rukaini, 'Rasa dan Nilai Estetika', Dewan Sastera, (K.L.:DBR, Julai 1978), jil. VIII; bil.I, h.38.

³Enclopedia Indonesia, (Bandung: Penerbitan Bandung, 1971), jil. I, h.4.

Masyarakat Melayu mempunyai nilai estetika-nya yang tersendiri. Bagi mereka, estetika itu adalah suatu tanggapan yang terdapat dalam jiwa manusia. Berhubung dengan pandangan estetika Melayu ini, Hamka berpendapat;

"Orang Melayu sebagai manusia, dalam Tanah Air tempat ia dilahirkan dengan gunung ganang, hutan belukarnya, warna laut dan langit yang biru. Semua keindahan alam itu berkesan ke dalam jiwa mereka, membenam menjadi makna, lalu keluar menjadi lafaz. Atau membenam menjadi budi, lalu berlepas dari mulut menjadi bahasa. Bertambah tinggi budinya, bertambah tinggilah susunan bahasanya. Bertambah tumbuh rasa keindahan di dalam batinnya, bertambah indah pulalah kalimat dan susun kata yang diucapkan".⁴

Nilai estetika Melayu dapat dilihat di dalam genre yang dihasilkan oleh orang Melayu seperti syair, pantun, sajak dan termasuklah perbilangan dalam Adat Perpatih. Nilai estetika dapat dikesani melalui genre Melayu ini ialah terdapatnya unsur-unsur perlam-bangan dan pengulangan kata-kata. Unsur-unsur alam seperti angin, ombak, laut, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya mempengaruhi penciptaan seni estetika mereka.

⁴Hamka, 'Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu', Islam dan Kebudayaan Melayu, (K.L.:KKBS, 1977), h.163.

Dalam perbilangan Adat Perpatih, terdapatnya penggunaan unsur-unsur perlambangan seperti personafikasi, simili dan figuratif. Perlambangan atau simbol dapat diertikan sebagai melambangkan sesuatu yang lain daripadanya. Penggunaan perlambangan ini berkaitan dengan gaya bahasa. Menurut Anis Sabirin;

"Sifat yang teristimewa pada puisi, bila dibandingkan dengan prosa ialah kecenderungan untuk menggunakan segala kekayaan yang tersimpan dalam perbendaharaan bahasa untuk mendapatkan kesan dan tujuan yang dikehendaki".⁵

Oleh kerana bahasa merupakan alat terpenting dalam komunikasi antara manusia, maka kepentingan bahasa dalam mengungkapkan idea adalah terlalu besar hingggakan ada penyair menyarankan;

"Kajian sesebuah puisi semestinya bermula dengan kajian bahasanya. Kekuatan sesebuah puisi tergantung kepada penggunaan bahasa dan perkataannya".⁶

Sesebuah puisi itu biasanya mengandungi nilai-nilai estetika. Nilai-nilai estetika yang terdapat

⁵ Anis Sabirin, Mengenai Puisi, (K.L.: DBP, 1972), h.30.

⁶ Zurinah Hassan, 'Bahasa Penyair dalam Puisinya', Dewan Sastera, (K.L.:DBP, Februari 1972), h.42.

dalam perbilangan Adat Perpatih ialah unsur-unsur perlambangan seperti personafikasi, figuratif dan simili. Di samping itu terdapat juga unsur-unsur perulangan kata seperti anafora, epifora, simplok dan responsi.

3.2. Perbilangan yang mengandungi unsur-unsur perlambangan seperti personafikasi, figuratif dan simili.

Personafikasi ialah pemberian sifat manusia kepada objek-objek bukan kehidupan. Danziger dan Johnson mentakrifkannya sebagai 'writing of an inanimate object or an abstraction as if it were person'.⁷

Figuratif ialah penggunaan kata-kata yang menerbitkan makna yang lain dari makna biasa atau dikatakan sebagai makna yang tersirat. Bahasa figuratif digunakan untuk menimbulkan kesan yang lebih mendalam di samping memperindahkannya pengucapan.

Kedua-dua unsur ini boleh didapati di dalam kebanyakan perbilangan Adat Perpatih.

Ular dipalu biar mati

1 : 3 (1)

Tanah dipalu jangan rosak

Kayu pemalu jangan patah

⁷Rahman Shaari, Di Sekitar Sastera Dan Kritikan, (K.L.: Utusan Publication SDN. BHD., 1981), h.49.

Perkataan yang bergaris di dalam perbilangan di atas ialah unsur-unsur perlambangan. 'Ular' melambangkan seseorang yang melakukan kejahatan. Kejahatan itu mesti dihapuskan demi-kepentingan masyarakat. Tetapi di dalam proses penghapusan ini, orang yang terlibat itu janganlah dimusnahkan sama sekali seperti yang dinyatakan 'Tanah dipalu jangan rosak'. 'Dipalu' bermaksud dipukul. Oleh itu, orang yang melakukan kejahatan itu hendaklah diberi peluang untuk memperbaiki kehidupannya. 'Kayu pemalu' melambangkan seseorang Ketua Adat yang menjalankan hukuman. Dalam hal ini, beliau haruslah menggunakan kebilaksanaannya dalam menjalankan keadilan.

Tepung jangan terserak

Rambut jangan putus

2 : 2(1)

'Tepung' diibaratkan sebagai masyarakat yang hidup bersatu padu. Jika 'tepung' itu sudah terserak, ini bererti masyarakat tersebut sudah berpecah belah. 'Rambut' pula melambangkan perpaduan di kalangan keluarga dan masyarakat. Jika rambut itu dibiarkan putus, ini bererti hubungan persaudaraan menjadi retak. Kesimpulannya, 'tepung' dan 'rambut' melambangkan perpaduan masyarakat.

Tanduk ditanam

3: 3(2)

Daging dilapah

Kuah dikacau

Perbilangan di atas melambangkan perihal seorang pemimpin dalam sistem Adat Perpatih. 'Tanduk ditanam' bermaksud seseorang pemimpin itu perlu mengikiskan segala sifat jahat yang ada dalam dirinya. Misalnya, jika kita menyembelih kerbau, tanduknya perlulah ditanam. Jika dibiarkan bersepah, ia akan mencederakan orang. Begitulah juga halnya dengan seseorang pemimpin. Kalau pemimpin tersebut mempunyai sifat yang jahat, masyarakat yang dipimpinnya akan porak poranda.

'Daging dilapah' bermaksud seseorang pemimpin itu harus dapat membedakan yang baik dari yang buruk. Pada dasarnya 'daging dilapah' bermakna memisahkan daging dari kulit dan juga memisahkan daging dari lemak. 'Kuah dikacau' bermaksud seseorang pemimpin itu haruslah menjalankan tugasnya dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh pengikutnya.

Rimba menjadi belukar

4 3(3)

Belukar menjadi padang

Padang menjadi negeri

Perbilangan ini diucapkan di dalam upacara

peminangan. Ianya mengisahkan sesuatu yang berlaku itu adalah mengikut peredaran masa. Misalnya, dari zaman kanak-kanak kepada zaman remaja dan seterusnya meningkat zaman dewasa. 'Rimba' boleh dianggap sebagai zaman kanak-kanak, 'belukar' pula boleh dikatakan sebagai zaman remaja sementara 'padang' dan 'negeri' boleh disimpulkan sebagai zaman kedewasaan yang penuh dengan tanggungjawab.

Emas pendinding malu

5:12(>)

Kain pendinding miang

Perbilangan di atas membicarakan tentang kedudukan ekonomi seseorang. 'Emas' melambangkan harta atau wang. Harta ini berkaitan pula dengan maruah. Seseorang yang tidak mempunyai harta dianggap tidak sempurna hidupnya. Maksud 'harta' dalam konteks ini tidaklah semestinya seseorang itu perlu kaya, tetapi dia haruslah mempunyai wang yang cukup untuk menyara hidupnya. 'Kain' atau pakaian hanya dapat melindungi orang dari miang tetapi kehormatan diri banyak bergantung kepada kedudukan ekonomi.

Ibarat limau masam sebelah

6:40

Perahu karam sekerat

Tiba di mata dipicingkan

Tiba di perut dikempiskan

Perbilangan yang tersebut di atas menyatakan

tentang konsep keadilan. Perkataan 'limau' dan 'perahu' melambangkan seseorang pemimpin yang tidak berlaku adil di dalam menjalankan tugasnya. Biasanya, limau yang masam sebelah ialah limau yang telah rosak isinya. Jika perahu karam sekerat bererti terdapat kebocoran di lantai perahu tersebut.

Seseorang pemimpin yang berlaku tidak adil samalah seperti 'limau masam sebelah' dan 'perahu karam sekerat'. Misalnya, jika terdapt salah seorang dari keluarganya yang melakukan kesalahan, dia(ketua) tidak menjatuhkan hukuman yang setimpal atau melepaskan sipesalah begitu sahaja. Inilah yang dikatakan 'tiba di mata dipicingkan', 'tiba di perut dikempiskan'. 'Mata dipicingkan' bermaksud memejamkan mata seolah-olah tidak mengetahui apa-apa yang berlaku. 'Perut dikempiskan' bererti menyangkal tuduhan-tuduhan yang dikenakan terhadap keluarga atau waris yang bersalah. Kesimpulannya perbilangan ini menyeru kepada para pemimpin supaya sentiasa bersikap adil terhadap orang yang dipimpinnya.

7: 2(3)

Menepuk air di dulang

Mengoyak baju di dada

Perbilangan di atas bermaksud seseorang Ketua Adat yang melakukan kesalahan itu, tidak akan

dihukum secara terbuka atau terang-terangan. Jika dia dihukum di khalayak ramai, ini bererti seluruh sukunya akan mendapat malu. Seseorang yang menepuk air di dulang, sudah tentu air itu akan memeroik ke muka sendiri.

'Mengoyak baju di dada' adalah suatu perbuatan yang memalukan kerana ianya akan menampakkan sebahagian dari tubuh kita. Oleh yang demikian, jika terdapat salah seorang anggota suku tersebut meminta ketua itu dihukum secara terbuka, maka ini bererti orang tersebut sengaja menagih malu ke atas dirinya sendiri. Sekiranya Ketua Adat itu didapati bersabit kesalahan melakukan dahagi iaitu dengan sengaja membawa tuduhan palsu dan fitnah ke atas anak buahnya, maka dia akan diminta meletakkan jawatannya dengan memberi alasan uzur dan sebagainya. Ketua tersebut akan meminta maaf secara peribadi dan tertutup.

Umumnya, maksud perbilangan 'menepuk air di-dulang' dan 'mengoyak baju di dada' itu melambangkan seseorang yang melakukan perbuatan yang memalukan diri sendiri.

81(1)

'Tungku tiga sejerangan'

'Tungku' ialah tempat memasak. 'Dijerangkan' bermaksud dimasak. Ketiga-tiga bahagian tungku itu (tungku nan tiga) merupakan kesatuan landasan atau tiga sifat

bagi Lembaga adat yang dijerangkan. Dikatakan kesatuan landasan kerana masing-masing bahagian tungku itu terikat antara satu sama lain untuk menjadi satu.

Lembaga diumpamakan sebagai adunan kuih yang biasanya dijerangkan (dimasak) di atas api.. 'Lembaga yang dituang' ialah lembaga yang sudah dimasak terlebih dahulu. Ini bererti Lembaga tersebut sudah mempunyai ilmu yang mendalam tentang adat serta boleh menjalankan tugas dengan baik.

Umumnya 'tungku tiga sejerangan' bermaksud seseorang yang mempunyai tiga sifat di dalam dirinya iaitu beragama, berilmu pengetahuan dan berada. Di peringkat masyarakat, tiga sifat ini juga dikehendaki iaitu golongan ulama, golongan adat dan golongan yang berilmu pengetahuan. Ketiga-tiga golongan ini merupakan orang yang mahir di dalam lapangan masing-masing. Alim ulama ini penting bagi masyarakat. Melaluinya, pengetahuan mengenai ugama dapat dipelajari dan diketahui. Ketua Adat pula bertujuan untuk mengawal dan menjaga hal ehwal orang yang dipimpinnya. Golongan berilmu pengetahuan pula penting untuk mendapatkan pandangan atau pendapat-pendapat mengenai sesuatu perkara. Oleh yang demikian, Adat Perpatih menghargai seseorang yang mempunyai kecerdasan otak.

Bulat air tegal dek gopong

Bulat manusia tegal dek muafakat

9:2(4)

Perkataan 'bulat' yang bergaris di atas bermaksud bersatu. Semangat untuk bersatu ini boleh dicapai dengan cara menubuhkan satu persatuan, perkumpulan atau persekutuan. 'Gopong' ialah tempat air yang diperbuat dari tempurung kelapa dan mempunyai tali. 'Gopong' ini pernah digunakan pada masa dahulu sebelum adanya baldi ayan atau baldi plastik.

Sebulat atau sekumpul air itu ialah kerana 'gopong'. Bulat atau bersatunya manusia itu ialah kerana adanya muafakat. 'Air' melambangkan masyarakat. 'Gopong' pula boleh dianggap sebagai ketua. Untuk mencapai satu kebulatan atau kesatuan di dalam masyarakat, mestilah ada seorang ketua yang bertanggungjawab menjaga orang yang dipimpinnya.

Kesimpulannya, dapatlah dikatakan perbilangan ini membawa konsep muafakat. Muafakat sangat perlu dan penting di dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Kepemimpinan di dalam Adat Perpatih berdasarkan budi dan muafakat. Sesuatu keputusan yang hendak dibuat itu mestilah mendapat persetujuan ramai. Seseorang itu berhak

menyuarakan pendapatnya di dalam satu mesyuarat. Apabila adanya muafakat barulah sesuatu pekerjaan itu dapat dijalankan secara bergotong royong.

Bak telur sesangkar

Pecah satu pecah semuanya

10 : 2 (5)

Umumnya, perbilangan di atas menyatakan tentang kehidupan bersuku di dalam Adat Perpatih. Suku merupakan ikatan keluarga. Anggota-anggota di dalam suku itu dianggap sebagai adik beradik dan mereka saling bantu membantu dan hormat menghormati. Sesuatu pekerjaan itu biasanya dibuat bersama-sama.

'Telor' melambangkan masyarakat. Sangkar ialah tempat tinggal burung. Oleh itu 'sangkar' di dalam perbilangan di atas boleh dianggap sebagai suatu suku. 'Bak telur sesangkar' bermaksud seseorang yang tinggal di dalam sesuatu suku. Jika salah seorang anggota suku itu melakukan kesalahan yang memalukan, maka malunya akan ditanggung oleh semua anggota di dalam suku tersebut. Inilah yang dikatakan 'pecah satu pecah semuanya'. Adalah menjadi tanggungjawab suku tersebut mengambil tindakan terhadap orang yang melakukan kesalahan itu kerana perbuatannya itu membabitkan nama dan maruah suku yang berkenaan.

Ayam ditambah diberi makan
Orang ditarik diberi harta

11:2(6)

Perbilangan di atas menyatakan tentang kedudukan seorang anak angkat di dalam Adat Perpatih. Perkataan 'ayam' itu melambangkan seseorang anak angkat. 'Ayam' yang ditambah itu mestilah diberikan makanan. Begitu juga halnya dengan 'orang yang ditarik' atau diambil sebagai anak angkat. Dia mestilah dianggap seperti anak sendiri iaitu dengan memberi pendidikan dan pelajaran yang sempurna. Di samping itu seseorang anak angkat juga berhak mendapatkan harta kedua ibu bapa angkatnya.

Adat tak lekang dek panas
Dan tak lapuk dek hujan

12:2(7)

Perkataan 'hujan' dan 'panas' di dalam perbilangan di atas merujuk kepada peredaran masa atau zaman. 'Tak lekang' dan 'tak lapuk' bermaksud tidak hilang atau luput ditelan masa.

Adat Perpatih ini merupakan adat yang asli dan bukannya saduran. Ianya berdasarkan kepada konsep muafakat, kebenaran dan keadilan. Ketiga-tiga konsep ini adalah asas bagi mencapai kemakmuran dan kebahagiaan di dalam masyarakat. Oleh sebab itulah Adat Perpatih masih kekal hingga ke hari ini.

Cucuran air ke laut
Cucuran harta ke tuan

13 : 2 (8)

'Cucuran air' ialah aliran air seperti air yang melurut atau mengalir ke laut. 'Cucuran harta' ialah orang yang berhak mendapatkan harta tersebut. Oleh itu, 'air' boleh dianggap sebagai harta dan 'laut' pula melambangkan waris yang mempunyai hak ke atas harta tersebut. Di dalam Adat Perpatih, apabila seseorang yang meninggal dunia itu meninggalkan harta pusaka, harta tersebut akan diturunkan kepada anaknya dan jika orang tersebut tidak mempunyai anak, harta itu akan jatuh ke tangan waris-warisnya.

Nan setitik dijadikan laut
Nan sekepal dijadikan gunung
Alam terkembang dijadikan guru

14 : 3 (4)

Adat Perpatih berasaskan dari kejadian-kejadian alam. Kejadian alam ini telah memberi pengalaman dan pengajaran kepada manusia. 'Laut' itu merujuk kepada sesuatu yang besar dan luas. 'Gunung' pula melambangkan sesuatu yang tinggi dan besar. Umumnya perbilangan di atas bermaksud berusaha mempelajari ilmu sama ada ilmu dunia atau ilmu akhirat secara mendalam. Di samping itu, perlu juga berusaha mencari kekayaan sebanyak mungkin. 'Setitik'

dan 'sekepal' bermaksud sedikit. Dalam usaha mencari ilmu pengetahuan dan kekayaan hendaklah dibuat secara berdikit-dikit tetapi akhirnya akan memperolehi kejayaan.

'Alam berkembang' bermaksud kejadian-kejadian alam. 'Guru' pula bererti pengajaran dan pengalaman. Oleh itu, pengalaman dan pengajaran dapat diperolehi dengan melihat dan meneliti akan kejadian-kejadian alam. Segala yang dijadikan oleh Allah s.w.t. ini mengandungi pengajaran-pengajaran tertentu bagi manusia untuk meneruskan jalan hidup.

Bukit sama didaki
Lurah sama dituruti

15:2(a)

Seperti yang diketahui, 'bukit' adalah suatu tempat yang tinggi. 'Lurah' pula adalah satu tempat yang dalam. Negeri Minangkabau (tempat asal perbilangan Adat Perpatih) ini adalah berbukit bukau. Masyarakatnya bekerja sebagai petani dan peladang. Tanaman yang menjadi sumber utama wang tunai ialah tembakau. Tanaman ini biasanya ditanam di bukit-bukit. Ketika berulang alik dari kampung ke ladang tembakau, mereka harus mendaki bukit yang curam dan merentas jurang yang dalam. Jika berjalan seorang, kemungkinan seseorang itu akan jatuh atau tergelincir, tidak siapa akan tahu. Dari situlah timbulnya keputusan

untuk mendaki gunung dan menuruni lurah bersama-sama.

Kesimpulannya, perbilangan 'bukit sama didaki dan lurah sama dituruti' membawa konsep bergotong royong. Masyarakat Adat Perpatih hari ini masih mengamalkan kerja bergotong royong, misalnya pada musim bersawah padi dan semasa kenduri kendara.

Seperti yang telah dinyatakan, 'simili' juga merupakan salah satu unsur perlambangan. Menurut E.J. Gordon, simili ialah 'a comparison between two things essentially, unlike, but, with one (or perhaps several) by a word such as like, as or as it'.⁸

Oleh itu, simili merupakan sejenis bentuk perbandingan yang didahului oleh kata-kata 'seperti', 'bagai', 'umpama' dan lain-lain. Menurut Rahman Shaari, simili adalah bahasa perbandingan antara objek atau konsep dengan objek lain yang sebenarnya tidak sama. Perbandingan ini sebenarnya bersifat imaginatif, dianggap perbandingan peringkat terendah kerana kata-kata perbandingan yang digunakan ialah 'bagaikan', 'seperti', 'umpama', 'macam' dan lain-lain lagi.⁹

⁸Gordon, E.J., Types of Literature, (Boston: Ginn And Company, 1964), h.486.

⁹Rahman Shaari, Bimbingan Istilah Sastera, (K.L.: Utusan Melayu, 1981), h.57.

Contohnya ialah seperti dalam perbilang-
an di bawah ini.

Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai
Seciap seperti ayam
Sedencing seperti besi

16:4(2)

Perkara yang hendak disampaikan oleh perbi-
langan di atas ialah tentang konsep muafakat dan perpaduan.
Masyarakat itu hendaklah bersatu padu seperti 'seikat sirih'
dan 'serumpun serai'. 'Seikat sirih' bererti sirih itu di-
susun dengan rapi dan kemudiannya diikat dengan kukuh.
Sekiranya sirih tersebut tidak disusun dengan baik, ikatan-
nya akan mudah terurai dan longgar. Begitu juga halnya
dengan masyarakat yang tidak dikendalikan dengan baik akan
mudah berpecah belah. 'Serumpun serai' bermakna sesuatu
yang banyak atau rendang tetapi terkumpul di satu tempat.
Ini melambangkan satu persatuan. Apabila adanya persatuan
dan perpaduan, kedudukan masyarakat tersebut akan kukuh.

Perkataan 'seciap' bererti sekata. 'Seden-
cing' bererti sekali dan serentak. Oleh itu, 'seciap seperti
ayam' dan 'sedencing seperti besi' bermaksud keputusan yang
diambil itu mestilah mendapat persetujuan ramai atau kata
sepakat.

Norhalim H. Ibrahim
Jabatan Pendidikan
Kuala Lumpur

Bagai mentimun dengan durian
Menggolek pun luka
Kena golek pun luka

17:40

Bagai abu atas tunggul

Perkataan yang bergaris di atas menunjukkan unsur simili. Perbilangan 'bagai mentimun dengan durian, menggolek luka, kena golek pun luka adalah menitikberatkan pergaulan individu di dalam masyarakat. Timun merupakan individu dan durian dengan durinya yang terancang merupakan masyarakat. Individu mesti mengikut kehendak masyarakat. Kalau dia menentang juga bermakna seorang melawan yang ramai. Bagaimanapun dia tidak akan menang.

Perbilangan 'bagai abu atas tunggul' merujuk kepada orang yang berkelakuan jahat di tempat isterinya. Seseorang yang jahat itu akan sentiasa terancam kedudukannya, walaupun di mana dia berada. Kedudukannya tidak akan tetap sebagaimana 'abu' yang sentiasa ditiup angin.

3.3. Perbilangan yang mengandung unsur-unsur perulangan kata-kata seperti anafora, epifora, simplok dan responsi.

Nilai-nilai estetika atau keindahan dalam sesebuah puisi atau prosa itu termasuklah perulangan kata-kata seperti anafora, epifora, simplok dan responsi.

Bentuk perulangan merupakan satu bentuk dasar dalam segala jenis puisi. Bentuk ini bukan sengaja direka oleh penciptanya tetapi merupakan sesuatu keadaan yang semula jadi yang dipakai dalam kehidupan sehari-hari. Lama kelamaan ia memperlihatkan potensi keindahannya, lantas ia menjadi satu gaya bahasa dan disedari lalu digunakan dalam puisi.

Kata perulangan digunakan secara sedar dengan tujuan menarik perhatian atau untuk menunjukkan intensiti. Fungsi perulangan ialah menunjukkan ekonomi kata.

3.3.I. Perbilangan yang mengandung unsur-unsur anafora.

Anafora ialah apabila satu atau lebih perkataan dipermulaan kalimat diulang dalam kalimat yang sejajar dengannya.

Gaduh di hulu dihului

18:3 (4)

Gaduh di hilir dihiliri

Gaduh di tengah dihampiri

Perkataan 'gaduh' yang bergaris di dalam perbilangan di atas adalah unsur anafora. 'Gaduh' dalam konteks ini bermaksud perselisihan atau perkelahian yang berlaku di dalam masyarakat Adat Perpatih. Perselisihan tersebut hendaklah diselesaikan dengan cara yang baik dan adil.

Perkataan 'hilir', 'hulu', 'tengah' itu bermaksud tempat. Biasanya di dalam perkampungan masyarakat Adat Perpatih, terdapat bahagian-bahagian tempat yang dipanggil hulu, hilir dan tengah. Oleh itu, jika pergaduhan itu berlaku di bahagian hilir, maka ianya diselesaikan oleh orang-orang yang tinggal di bahagian itu sahaja. Orang yang tinggal di bahagian hulu dan tengah tidak perlu campurtangan kerana dikhuatiri akan menambahkan lagi kekecuan.

Alang tukang terbuang kayu 19:4 (4)

Alang cerdik binasa adat

Alang alim rosak agama

Alang sefaham kacau negeri

Perkataan 'alang' di dalam perbilangan di

atas bermaksud lebih kurang. 'Lebih kurang' dalam hal ini merujuk kepada sesuatu pekerjaan yang dilakukan dengan cara tidak sempurna. 'Alang tukang terbang kayu' bererti seseorang yang tidak pakar dalam bidang pertukangan tetapi mengaku dia boleh melakukan pekerjaan tersebut. Andainya orang ini disuruh membuat rumah, sudah tentu akan berlaku pembaziran kerana banyak kayu akan terbang begitu sahaja.

'Alang cerdik binasa adat' bermaksud orang yang tidak tahu secara mendalam tentang adat. Sekiranya orang ini dilantik menjadi Ketua Adat, sudah tentu akan berlaku kekeliruan dan kekecuhan dalam masyarakat. Adat Perpatih. Kekeliruan itu disebabkan tafsiran yang salah atau kurang tepat mengenai sesuatu perkara yang berhubung dengan hukum adat.

'Alang alim rosak agama' ialah seorang yang tidak tahu dengan mendalam tentang hal ehwal agama. Jika orang ini diberi tugas yang berkaitan dengan hal ehwal agama, kemungkinan akan berlaku kekeliruan. Perkara-perkara yang berkaitan dengan agama bukanlah sesuatu yang boleh dipermain-mainkan.

'Alang sefaham kacau negeri' bermaksud kurangnya persefahaman di kalangan masyarakat Adat Perpatih.

Kurangnya persefahaman ini disebabkan adanya golongan-golongan tertentu yang tidak mahu mematuhi peraturan-peraturan adat dan undang-undang syarak. Jika hal yang sedemikian dibiarkan berterusan, maka akan berlakulah kekacauan di dalam negeri.

Kesimpulannya, perkataan 'alang' itu menekankan kepada sesuatu pekerjaan yang dilakukan secara lebih kurang atau tidak sempurna akhirnya akan merosakkan masyarakat dan negeri.

Sumbang percakapan

20 15 (1)

Sumbang kelakuan

Sumbang kedudukan

Sumbang pemandangan

Sumbang perjalanan

Perkataan 'sumbang' di dalam perbilangan di atas merujuk kepada perlakuan yang tidak baik antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Seperti yang tertera di dalam perbilangan di atas, sumbang itu ada lima jenis.

'Sumbang percakapan' bermaksud perbualan kosong atau perbualan yang tidak mendatangkan faedah di antara anggota-anggota lelaki dan perempuan yang bukan

muhrim. Perbuatan ini boleh menimbulkan fitnah atau syak wasangka kepada orang yang melihatnya.

'Sumbang kelakuan' ialah berkelakuan seolah-olah seperti orang yang sudah berkahwin, iaitu bergurau senda dan gelak ketawa yang melampaui batas.

'Sumbang pemandangan' bermaksud seorang lelaki dan perempuan yang bukan muhrim duduk berdekatan sambil menatap wajah antara satu sama lain. 'Sumbang kedudukan' ialah duduk berdua-dua di tempat sunyi seperti di tepi perigi, di tepi sungai atau di dalam rumah tanpa orang lain. Pada masa sekarang, muda mudi sering berdua-dua di taman bunga. 'Sumbang perjalanan' ialah berjalan-jalan bersama-sama antara lelaki dan perempuan yang tidak mempunyai sebarang ikatan.

Sesungguhnya, kelima-lima kelakuan yang 'sumbang' itu adalah perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan di antara lelaki dan perempuan yang belum berkahwin. Perbuatan ini bukan sahaja dilarang oleh adat tetapi sangat dibenci oleh syarak. Jika dibiarkan perbuatan ini berlanjutan, sudah tentu ia akan merosakkan akhlak.

Salah hamba kepada tuan
Salah murid kepada guru
Salah anak kepada bapa
Salah isteri kepada suami

21:4(5)

Perkataan 'salah' yang bergaris di atas ialah unsur anafora. Perkataan tersebut diulang beberapa kali bertujuan untuk menegaskan lagi maksud perbilangan tersebut. Perkataan 'salah' itu merujuk kepada kesalahan atau kesilapan yang dilakukan oleh orang yang dipimpin disebabkan kecuaiannya orang yang memimpin. Orang yang memimpin itu terdiri dari 'tuan', 'guru', 'bapa' dan 'suami'. Manakala orang yang dipimpin itu terdiri dari 'hamba', 'murid', 'anak' dan isteri.

Ketua atau pemimpin mempunyai tanggungjawab yang berat terhadap orang yang dipimpinnya. Dia haruslah melaksanakan tugas itu dengan sempurna. Kelalaiannya nanti akan membawa kepada kesusahan bukan sahaja kepada orang yang dipimpinnya tetapi juga kepada pemimpin. Misalnya, kelalaian para guru mengawasi anak muridnya menyebabkan murid-murid tersebut kurang berdisiplin serta tidak menghormati guru. Ini sudah tentu menggugat kewibawaan seorang guru yang dianggap sebagai pemimpin generasi yang akan datang.

Sudah diberi ditarik balik

Sudah diuja dipegang ekor

Sudah dipertaruh dipermalami

Sudah dipesan dituruti

22:4(6)

'Sudah diberi ditarik balik' bermaksud sebarang harta yang telah diberi kepada orang semenda suami isteri tidak boleh ditarik balik atau diambil semula. 'Sudah diuja' bermaksud sudah dipunyai dan 'dipegang' pula bermaksud dihalang atau diawasi. Oleh yang demikian, 'sudah diuja dipegang ekor' bermaksud orang tempat semenda melarang orang semenda membawa isterinya pergi merantau.

'Sudah dipertaruh dipermalami' bermaksud orang tempat semenda tidak mempercayai orang semenda. 'Sudah dipertaruh' bermaksud sudah diberi. 'Dipermalami' bermaksud diperhatikan atau dijenguk. Orang tempat semenda seharusnya mempercayai orang semenda. Sekiranya orang semenda telah disuruh untuk mengerjakan tanah pusaka isterinya, orang tempat semenda tidak perlulah melihat kerja-kerja yang dilakukan oleh semenda itu pada tiap-tiap hari. Memadailah jika dijenguk sekali sekala. 'Sudah dipesan dituruti' bermaksud, jika orang tempat semenda menyuruh melakukan sesuatu kerja, memadailah orang tempat semenda menyatakan sekali dua sahaja. Orang tempat semenda tidak

perlu mengulangi pesannya seolah-olah orang semenda itu tidak boleh dipercayai.

Tahu yang kecil pada yang gadang 23:4(4)
Tahu yang gadang pada yang tua
Tahu manusia dek menengok
Tahu manusia dek membuat

Perkataan yang bergaris di dalam perbilangan di atas ialah unsur anafora. Perkataan 'tahu' bermaksud mengetahui. 'Gadang' bererti sudah dewasa. 'Yang kecil' bermaksud kanak-kanak atau belum dewasa. Oleh itu 'tahu yang kecil pada yang gadang' bermaksud orang yang belum dewasa boleh belajar atau meminta nasihat dari orang yang sudah dewasa serta berpelajaran. Misalnya, seorang adik belajar dari abang atau kakaknya.

Bagi golongan remaja pula boleh meminta nasihat dari orang yang lebih tua dan berpengalaman darinya. 'Tahu manusia dek menengok' bermaksud pengetahuan dan pelajaran itu boleh didapati dengan melihat contoh-contoh dan teladan yang terdapat di sekitar kita. Jika perkara-perkara yang kita lihat itu baik, maka ianya boleh diambil sebagai teladan. Perkara yang boleh mendatangkan kerugian eloklah dijauhi.

'Tahu manusia dek membuat' bermaksud pengalaman itu boleh didapati dengan cara yang mendatangkan faedah. Misalnya, jika kita hendak mengetahui selok belok tentang perniagaan, belajarlah pada orang yang sudah mahir dalam bidang tersebut.

Oleh yang demikian, sekiranya kita mahu mendapatkan pelajaran, pengetahuan dan pengalaman, hendaklah rajin bertanya pada orang yang lebih matang dan berpengalaman di samping kita melibatkan diri dengan sesuatu pekerjaan itu.

Salah pagi menyembah petang
salah petang menyembah pagi

24 12 (10)

Perkataan 'salah' yang bergaris di atas ialah unsur anafora. Maksud 'salah' dalam perbilangan di atas ialah seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan. Dalam Adat Perpatih yang berasaskan budi dan muafakat, amat mementingkan kebahagiaan masyarakat. Oleh itu jika terdapat sebarang perselisihan yang berlaku di antara anggota masyarakat Adat Perpatih, maka ianya hendaklah diselesaikan secepat mungkin kerana jika dibiarkan lama-lama tentu akan menambahkan lagi kekusutan tersebut.

Perkataan 'sembah' bererti meminta maaf. Jika pergaduhan itu berlaku pada pagi hari, maka penyelesaian-nya hendaklah dibuat pada petangnya. Sekiranya perselisihan itu berlaku pada waktu petang, maka orang yang terlihat itu hendaklah berbaik semula pada esok paginya.

Di dalam perbilangan Adat Perpatih memang banyak unsur-unsur anafora. Dengan adanya unsur ini, ianya dapat memberi kekuatan pada maksud yang hendak disampaikan oleh perbilangan tersebut.

3.3.2. Perbilangan yang mengandungi unsur-unsur Epifora

Epifora ialah kebalikan daripada anafora.

Epifora merupakan satu atau lebih perkataan di akhir kalimat, diulang dalam kalimat-kalimat lain yang sejajar dengannya. Contohnya dapat dilihat pada perbilangan di bawah ini.

Adat bersaudara, saudara dipertahankan

Adat berkampung, kampung dipertahankan

Adat bersuku, suku dipertahankan

Adat bernegeri, negeri dipertahankan

'Dipertahankan' bermaksud menjaga atau mengawal.

Dalam Adat Perpatih, ikatan kekeluargaan itu erat. Jika ada sebarang kesusahan yang dialami oleh saudara mara, ini menjadi tanggungjawab bersama untuk menolongnya.

Masyarakat Adat Perpatih juga terikat dengan sistem bersuku, Sebarang keburukan yang dilakukan oleh salah seorang anggota suku itu, malunya adalah ditanggung bersama. Sekiranya ada orang dari suku lain yang menghina suku kita, maka ini menjadi tanggungjawab bersama untuk membersihkan nama dan maruah suku kita.

Jikalau kampung dan negeri kita dicero bohi oleh orang lain, ianya menjadi tugas bersama untuk mempertahankan kampung dan negeri. Pada masa dahulu sering terjadi perkelahian antara satu kampung dengan kampung yang lain. Oleh sebab itulah wujudnya perbilangan ini. Seseorang itu mestilah mempunyai semangat kesetiaan kepada keluarga, kepada sukunya dan kepada kampung dan negerinya.

Terbit pusaka kepada saka
Si laki-laki menyandang pusaka
Si perempuan yang punya pusaka
Orang semenda yang membela

26: 4(9)

Perkataan 'pusaka' di dalam perbilangan di atas ialah unsur Epifora. Makna 'pusaka' itu ialah

harta atau tanah yang diwarisi secara turun temurun dari nenek moyang. 'Terbit' bermaksud ada atau wujud. 'Saka' pula bermaksud keturunan. Dalam konteks perbilangan ini, keturunan itu merujuk kepada anak perempuan. 'Terbit pusaka kepada saka' bermaksud harta pusaka itu hanya boleh diwarisi oleh kaum perempuan sahaja. 'Menyandang' bermaksud menjaga atau mengawal. 'Si laki-laki menyandang pusaka' bererti adik beradik lelaki bertanggungjawab menjaga dan mengawal serta mengerjakan tanah tersebut, sebelum adik perempuan atau kakaknya berumahtangga.

'Si perempuan yang punya' bererti kaum perempuan adalah milik sebenar harta pusaka itu. Namun demikian, saudara lelaki boleh mengambil hasil dari tanah pusaka tersebut. Sekiranya, si perempuan itu sudah berkahwin, maka adalah menjadi tanggungjawab suaminya mengusahakan tanah pusaka yang diwarisi itu.

Perkataan 'pusaka' yang diulang beberapa kali itu dapat menegaskan lagi kenyataan bahawa pusaka adalah sesuatu yang penting di dalam masyarakat Adat Perpatih. Pada masa dahulu, kebanyakan kaum perempuan tidak bekerja. Oleh itu, dengan adanya tanah pusaka ini dapat menjamin kehidupannya di masa akan datang.

Cicir dipungut

27:4⁽¹⁰⁾

Hilang dicari

Nyawa darah waris yang punya

Rugi laba isteri yang punya

Baris yang pertama, kedua dan ketiga dalam perbilangan di atas bermaksud tanggungjawab kaum perempuan terhadap saudara lelakinya yang di dalam kesusahan. Misalnya jika berlaku perceraian, lelaki tersebut boleh menumpang di rumah saudara perempuannya di samping membantu mengusahakan tanah pusaka. Inilah yang dikatakan 'cicir dipungut, hilang dicari'. Biasanya lelaki yang dilanda kesusahan tidak akan diketepikan begitu sahaja oleh saudara perempuannya kerana dia mempunyai hak pakai ke atas tanah pusaka itu.

Perkataan 'nyawa dan darah' pada baris ketiga dalam perbilangan yang telah dinyatakan, bermaksud ikatan kekeluargaan. Jika terdapat salah seorang dari anggota keluarga itu sakit atau kemalangan, ini menjadi tanggungjawab saudara maranya mengubati sakit tersebut. Sekiranya lelaki tersebut meninggal dunia, warisnya bertanggungjawab menyempurnakan pengebumian itu. Hal ini menunjukkan betapa eratnya ikatan kekeluargaan.

Jikalau lelaki tersebut telah berumahtangga, isterinya berhak mengambil harta yang telah diusahakan oleh suaminya. Sekiranya suami tersebut meninggal dunia dengan meninggalkan hutang, isterinya bertanggungjawab menjelaskan hutang itu.

3.3.3. Perbilangan yang mengandungi unsur-unsur simplok.

Simplok ialah kombinasi di antara anafora dan epifora, iaitu perulangan perkataan dalam kedua-dua kedudukan awal dan akhir. Contohnya seperti di bawah ini:-

2.4 (11)

Tegak bersaudara, saudara dipertahankan
Tegak berkampung, kampung dipertahankan
Tegak bersuku, suku dipertahankan
Tegak berbangsa, bangsa dipertahankan

Perkataan 'tegak' di dalam perbilangan di atas merujuk kepada semangat persaudaraan dan permuafakatan di dalam masyarakat Adat Perpatih. Perkataan tersebut diulang beberapa kali bertujuan untuk menunjukkan betapa pentingnya persaudaraan itu.

'Dipertahankan' bermaksud menjaga keluarga, bangsa dan negara. Masyarakat akan hidup aman jika mereka menyedari tanggungjawab masing-masing.

Kesimpulannya, pengulangan kata 'tegak' dan 'pertahankan' adalah bertujuan untuk menguatkan lagi maksud yang hendak disampaikan. Penggunaan kedua-dua perkataan ini memang tepat dengan perkara yang dibincangkan.

29 : 2(11)

Ibu hukum muafakat

Ibu adat muafakat

Perkataan 'ibu' di dalam perbilangan di atas merujuk kepada sesuatu perkara yang utama atau dasar. 'Muafakat' pula bermaksud persetujuan ramai. Umumnya, perbilangan di atas menyatakan tentang hubungan antara hukum syarak dengan adat.

Dari contoh-contoh di atas, unsur simplok ini bertujuan untuk memberi penekanan pada satu-satu maksud yang dibicarakan atau penumpuan pada satu-satu idea yang hendak disampaikan.

3.3.4. Perbilangan yang mengandungi unsur-unsur responsi.

Responsi ialah ulangan satu atau beberapa perkataan pada satu-satu baris, diulang pada tempat yang sejajar pada baris lain dalam satu kesejajaran atau disebut ulangan sambut menyambut. Ulangan ini menjadi sendi di dalam ayat serta memberi nada dan rentak tertentu

terutamanya apabila ianya dilagukan. Contohnya ialah seperti yang terdapat dalam perbilangan yang berikut ini.

Kok gadang jangan melanda

30:2 (12)

Kok cerdik jangan menjual

Perbilangan di atas membicarakan sifat-sifat kejujuran. Perkataan 'gadang' bermaksud besar atau dewasa. 'Melanda' pula bermakna menghina atau memperkecil-kecilkan seseorang. Perkataan 'jangan' merujuk kepada sesuatu yang tidak boleh dilakukan. Oleh itu, 'kok gadang jangan melanda' membawa erti bahawa orang yang berpangkat, berharta dan berkuasa, janganlah hendaknya memandang rendah pada orang yang kurang berada dan orang yang kurang ilmu pengetahuan.

'Kok cerdik jangan menjual' pula bermaksud orang yang cerdik janganlah menipu orang yang kurang ilmu pengetahuan. Perkataan 'menjual' itu bererti membohong atau menipu. Oleh yang demikian, perbilangan yang telah dinyatakan tadi melarang seseorang itu bersikap sombong dan penipu.

Kalau alim hendakkan doanya

31:2 (13)

Kalau kaya hendakkan emasnya

Perkataan yang bergaris di dalam perbilangan

di atas ialah unsur-unsur responsi.' Perkataan tersebut bermaksud meminta sesuatu. 'Alim' bererti orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang hal ehwal agama. 'Emas' pula bermaksud harta atau wang.

Setiap orang itu mempunyai kebolehan yang tersendiri. Adat Perpatih amat menghormati orang yang mempunyai kebolehan di dalam sesuatu bidang. Orang yang alim diharap dapat mengajar hal ehwal agama kepada masyarakat. Di dalam majlis-majlis tertentu, orang alim diminta membaca doa. Orang yang berada pula diharapkan dapat membantu orang yang kurang berkemampuan. Orang kaya yang dermawan adalah sangat dihormati oleh masyarakat Adat Perpatih.

Pohon rendang di tengah padang
Batangnya untuk bersandar
Dahannya untuk bergantung
Daunnya untuk berlindung

3214 (12)

Perkataan 'batang', 'dahan', 'daun' dan 'pohon rendang' merujuk kepada seorang ketua yang berkebolehan. 'Di tengah padang' bermaksud di kalangan masyarakat. Pada ketualah seseorang itu boleh mendapatkan nasihat dan bimbingan. Seseorang itu juga boleh meminta atau meminjam

barang-barang atau wang dari ketua tersebut ketika di dalam kesusahan. Inilah yang dikatakan tempat untuk bergantung ataupun tempat untuk berlindung.

Tatkala alam beralun

33 : 5 (>)

Alam belum beraja

Luak belum berpenghulu

Adat belum berketentuan

Bilang belum beratur pula

Unsur-unsur responsi dapat dilihat pada perkataan yang bergaris di dalam perbilangan di atas. Perbilangan ini membicarakan tentang keadaan masyarakat di Minangkabau sebelum wujudnya Adat Perpatih. Pada masa itu belum lagi terdapat ketua seperti raja atau penghulu. Ketiadaan pemimpin ini menyebabkan masyarakat hidup secara sendiri-sendiri atau individualistik. Oleh sebab itulah diulang perkataan 'belum' itu beberapa kali untuk menjelaskan keadaan masyarakat Minangkabau sebelum wujudnya Adat Perpatih.

Apabila kita perhatikan bentuk responsi di dalam setengah-setengah perulangan di bawah ini, didapati ianya seolah-olah menyenaraikan sesuatu. Misalnya;

Raja memerintah alam
Penghulu memerintah luak
Lembaga memerintah suku
Buapak memerintah anak buah

34:4 (12)

Perbilangan di atas menyatakan tentang batas-batas kuasa bagi seseorang ketua itu. Raja mempunyai kuasa yang tertinggi dan diikuti oleh penghulu, Lembaga dan buapak. Hal ini menunjukkan adanya agihan kuasa yang bertujuan untuk melicinkan lagi pentadbiran.

Di samping itu, terdapat satu lagi jenis responsi di mana ulangan kata akhir di dalam satu baris diulang semula menjadi kata awal pada baris yang kedua. Contohnya ialah seperti perbilangan di bawah ini.

Adat bersendi hukum
Hukum bersendi kitabullah

35:2 (14)

Perbilangan di atas menunjukkan tidak ada pertentangan antara adat dengan agama Islam. Adat khasnya membicarakan peraturan-peraturan hidup di dunia. Agama Islam membawa soal Tuhan dan akhirat. Adat menerima Islam, tidak menentangnya kerana pertentangan akan hanya membawa kemusnahan. 'Kitabullah' itu ialah kitab yang diturun oleh Allah s.w.t. untuk pedoman manusia. 'Hukum'

bermaksud peraturan-peraturan yang mesti diikuti. Adat Perpatih yang dicipta sebelum kedatangan Islam itu juga bertujuan untuk memberi panduan kepada masyarakat Minangkabau sebelum kedatangan Islam. Kedatangan Islam ke Minangkabau telah melengkapkan lagi undang-undang adat.

Anak buah yang mengangkat Buapak 36: 3 (6)
Buapak yang mengangkat lembaga
Lembaga mengangkat penghulu

Perkataan yang bergaris di dalam perbilangan di atas ialah unsur-unsur responsi. Umumnya perbilangan di atas membicarakan tentang sistem perlantikan di dalam Adat Perpatih.

Buapak ialah ketua bagi satu perut dan beliau dilantik oleh anak buahnya. Lembaga ialah ketua satu suku dan beliau dilantik oleh Buapak. Penghulu yang menjadi ketua bagi satu-satu luak itu dilantik pula oleh ahli-ahli lembaga.

Labu ke kundur
Kundur ke labu
Orang ke orang

37: 3 (7)

'Labu' dan 'kundur' ialah sejenis buah yang digunakan sebagai sayur. Bentuknya lebih kurang serupa. Oleh itu kundur dan labu boleh dianggap sebagai adik beradik. Umumnya, perbilangan ini membicarakan tentang konsep kahwin sesuku. Anggota-anggota masyarakat di dalam satu suku itu dianggap adik beradik. Maka orang yang kahwin sesuku di katakan kahwin adik beradik.

3.4. Rumusan

Sama seperti puisi-puisi yang lain, perbilangan Adat Perpatih juga mengandungi unsur-unsur estetika seperti unsur perlambangan dan perulangan kata atau kalimat.

Apa yang dimaksudkan dengan 'perlambangan' dalam puisi ialah menggambarkan sesuatu keadaan dengan menggunakan kata-kata tertentu yang ada persamaannya. Menurut Zurinah Hassan, penggunaan simbol atau perlambangan tidak sahaja menjadikan puisi itu padat, segar dan indah, tetapi juga melalui lambanglah seseorang penyair dapat menyampaikan sesuatu dengan lebih berkesan. Ia tidak hanya mempunyai fungsi dekoratif tetapi juga menguatkan lagi sesuatu puisi itu.⁹

⁹Zurinah Hassan, 'bahasa Penyair dalam Puisinya', Dewan Sastera, (Kuala Lumpur :DBP, 1977), h.12.

Perlambangan adalah menjadi satu tingkat penyampaian penyair yang paling tinggi kerana sebenarnya ia berselindung di sebalik gambaran yang sempurna dalam dirinya. Perlambangan menggunakan satu susunan gambaran yang mewakili susunan fikiran penyair yang bererti setiap lambang mewakili satu konsep.¹⁰

Penggunaan lambang seperti personifikasi, simili dan figuratif ini, sebenarnya bukan sahaja untuk mengindahkan sesebuah puisi, tetapi yang lebih utama ialah supaya dapat menyampaikan sesuatu secara lebih berkesan.

Selain daripada unsur perlambangan, terdapat pula unsur kesejajaran iaitu perulangan kata-kata atau kalimat yang sama pada tempat yang sama. Penggunaannya dianggap sebagai satu cara untuk menguatkan dan menegaskan lagi maksud tertentu yang hendak disampaikan. Di samping tujuan tersebut, kesejajaran juga digunakan untuk membawa kesegaran gambaran suasana supaya dapat memberi kesan perasaan yang mendalam.

¹⁰ Anis Sabirin, Mengenal Puisi, h.35.

LAMPIRAN

Kata-kata perbilangan di bawah ini diperolehi dari
Encik Mat Sar Bin Shadi yang menetap di Felda Bukit Jalor,
Gemas, Negeri Sembilan.

1 Tebang meranti tiga batang
 Tebang mari tiga muka
 Orang dinanti sudah datang
 Ada kata nak di buka

2 Terbang balam dari seberang
 Hinggap mari tengah rumah
 Makan sirih sekapur seorang
 Sama-sama kita mengunyah

3 Terbang selayak jalan ke huma
 Kakap di atas lantai
 Minta maaf pada abang semua
 Saya cakap kurang pandai

4 Tanam rapat cucuran atap
 Pucuk sena ke baruh
 Barangkali saya ini tidak pandai bercakap
 Sudah kena darah gemuruh

5 Tanam cempedak di luar pagar
 Ambil galah tolong jolokkan
 Saya budak baru belajar
 Kalau salah tolong tunjukkan

6 Mangkok ada cawan pun ada
 Tali gasing sama eloknya
 Datuk ada tuan pun ada
 Saya pandang dekat, abang seorang yang eloknya

1
Rama-rama kumbang jati
Ciklah bertunggang kuda
Patah tumbuh hilang berganti
Pusaka tinggal tempat yang muda

2
Bukan lebah sebarang lebah
Lebah bersarang di rumpun buluh
Bukan sembah sebarang sembah
Sembah disusun jari sepuluh

3
Bukan lebah sebarang lebah
Lebah bersarang cucuran atap
Bukan sembah sebarang sembah
Dari hujung sampai ke pangkal

4
Bukan lebah sebarang lebah
Labah bersarang di kayu akar
Bukan sembah sebarang sembah
Sembah adat dengan pusaka

Awal permulaan akhir berkesudahan
Sakit bermula mati bersebab
Hujah berpokok kata berpangkal
Duduk mengaji daripada alif
Duduk bilang daripada esa

1 - (5)

Tatkala alam beralun
Alam belum beraja
Luak belum berpenghulu
Adat belum berkebentukan
Bilang belum beratur pula

2 (2)

Maka ditengok pula kita ini

Tiga pangkat

Yang pertama yang kecil

Yang kedua yang gedang

Yang ketiga yang tua

Tahu yang kecil pada yang gedang

Tahu yang gedang pada yang tua

3(7)

Kemudian ditengok pula pulai sepangkal

Naik mendapat ruat dengan bukunya

Kita ini berpangkat turun temurun

Turun mengukuhkan adat dengan pusaka

4(4)

Kemudian dek lama bersarang

Lama mengadakan tiga orang anak

Yang tua Tok Temenggung

Diam di bukit kusus

Di Jeram tinggi tempat air segantang selubuk

Tempat pasir timbun menimbun

Tempat batu hampar menghampar

Tempat ungka mengumbai tangkai

Tempat siamang menghayun kaki

Tempat cicahu berulang mandi

Tempat angin yang bertiup

Tempat enggang yang terbang

Tempat ranting yang patah

5(3)

Maka di situlah perhimpunan suku dua belas
Sembah datuk

Yang tengah bernama Tok Lela Maharaja 6 (6)
Tali penghimpun ke pucuk jala
Tempat tangannya selang seli
Tempat bahu yang singgung menyinggung

Maka ditengok pucuk nyiur yang meliuk
Pinang yang berjejer
Parit yang terbentang
Tanah yang rata
Air yang jernih 7 (8)
Orangnya yang ramai
Di situlah penghimpunan suku duabelas
Sembah datuk

Yang kecil nama Tuk Patih
Diam di hilir di hujung tanjung
Pinang sebatang medan yang baik
Tempat keling putar memutar
Tempat Cina timbang menimbang
Tempat ungkai silih menyilih 8 (10)
Tempat galah selang seli
Tempat pucuk yang terhampar
Tempat baca yang legang legung
Di situlah perhimpunan suku duabelas

Sembah datuk

Selilit pulau perca 9 (5)
Selembang Tanah Melayu
Bertalikan Siak
Bertuankan Minangkabau

Turun di Pagar Ruyung
Naik ke Gunung Rembau
Mengedar ke hulu bukit yang tinggi
Gaung yang dalam
Rimba yang besar
Meranti yang bersanggitan
Mengedar ke baruh
Sawah yang berlopak
Kampung yang bersudut
Mengedar ke hilir sungai yang besar

10 (10)

Air melurut ke laut yang lebar
Ke laut menuju arus
Ke darat menuju bandar
Ke laut berpulau
Ke darat berbusut

11 (5)

Air titik dilautkan
Tanah sekepal digunungkan
Sembah datuk

12 (3)

Kemudian maka ditengok
Pertama pusaka akan ditengok
Kedua adat akan dibaca
Tengok pusaka itu
Hulu yang lima
Hilir yang sembilan
Adat datang muafakat esa

13 (7)

Telor sebuah sama ditatang
Pusaka satu sama dijunjung

14 (2)

Kemudian maka ditengok
Bersuku berbuapa
Berempok berharta masing-masing
Bertompok ibarat kurap
Berlopak bak sawah
Berawang bak durian

15 (4)

Maka ditengok pula
Pendirian dekat rumah
Kok lama sepermainan
Perigi sebuah sepermandian
Jamban sebuah seperulangan

16 (5)

Hati kuman sama dicecah
Hati gajah sama dilapah
Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Ke bukit sama didaki
Ke lurah sama dituruni
Ke laut sama direnangi
Kok dapat sama laba
Kok cicir sama rugi

17 (9)

Maka ditengok pula
Lapangan hukum
Kok adat tak merintang
Haruslah pula semenda menyemenda
Apalah syarat orang semenda menyemenda
Kok dirisik diisikan
Kok kata dijawabkan
Jawab tidak jawabnya dengan tanda rupa
Esa sekata dilakukan
Tak esa sekata direntikan
Sawan gila luar janji

18 (11)

Helah laki loncor

Helah perempuan ganda

Maka ditengok cacat tidak

Celapun tidak

Maka direla cincin sebetuk

Cincin sebetuk cincin pertanyaan

Cincin dua bentuk cincin pertunangan

Apabila sudah dihulur

Janji pun dibuat

Janji apa?

Janji adat

Setelah janji tujuh hari

Lambat janji dua kali sehari

Janji pendek dua hari balik ke tiga

Kemudian maka ditengok pula

Turun di istana menjunjung titah

Turun di balai menjunjung sabda

Turun di rumah yang berketak

Tangga yang bertingkat

Jadi bagi saya ialah orang semenda

Orang disuruh pergi dipanggil datang

Kok kecil tak bernama

Kok besar tak bergelar

Menjunjung kata tempat semenda

Menurut isi adat anak buah, abang semua

Ayam denak ayam ketak

Menetas bawah pokok lada

Entah banyak entahkan sikit

Cuba-cubalah tengok kalau ada

Pantang (tok) menda

Bagi satu ambil dua

22(4)

Enau sebatang dua sigai

Pelesit dua sejenjang

Terkilan pak menda

Terkilan orang semenda pergi sahaja 23 (4)

Tersungkup kat kelambu

Terpagar dek bendul yang empat

Kalau dia cerdik teman berunding

Kalau buta suruh tumbuk lesung

24(4)

Kalau pekak cucur meriam

Kalau bingung suruh arah

Hukum tak menghambat kahwin sesuku

25(1)
